

# E-BULETIN

EDISI 16

NILAI  
PATRIOTISME  
DALAM  
KALANGAN  
EB BSN

TIP & PANDUAN  
KESELAMATAN

Panduan untuk  
elak kena *scam*  
di era digital

PERANAN  
EB BSN DALAM  
MENGEKALKAN  
KESEJAHTERAAN  
EKONOMI

Ucapan Hari  
Kebangsaan  
oleh **EB BSN**

**ISTIMEWA SEMPENA  
ULANG TAHUN KE-50 BSN**

**SELAMAT MENYAMBUT HARI  
KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA 2024!**

Edisi Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2024

# KANDUNGAN

Kata-Kata Ketua Jabatan	3
Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2024	4
Cerita EB BSN	5
Info Am EB BSN	7
Tip & Panduan Keselamatan	9
Ucapan Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2024	10
Promosi Baharu BSN	12
Istimewa Sempena Ulang Tahun ke-50 BSN	13

## Editorial

### Pengarang

Anis Syahirah

### Pengarah Kreatif

Ashura Hakim

### Penolong Pengarang

Nina Hazrin

Rizalman Zainal

Isrunisyam Ishak

Faiz Ramzani

### Kreatif

Daniel Akmal

Hazman Zuhairy

### Pereka Web

Sanny Hisham

# Meningkatkan Nilai Patriotisme dalam Kalangan EB BSN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama mengungkapkan rasa syukur yang mendalam kepada Allah SWT yang telah menganugerahkan kita dengan nikmat kemerdekaan dan kemajuan.

Sebagai Ketua Jabatan Deposit, Pembayaran & Rangkuman Kewangan, saya ingin menekankan betapa pentingnya nilai patriotisme dalam setiap aspek kerja kita. Patriotisme bukan hanya sekadar rasa cinta kepada tanah air, tetapi juga melibatkan sumbangan aktif kita terhadap kemajuan negara melalui tanggungjawab harian kita.

Sebagai Ejen Bank (EB) BSN, kita memikul tanggungjawab besar untuk memastikan setiap interaksi dengan pelanggan dilakukan dengan integriti, kejujuran, dan dedikasi. Setiap transaksi adalah peluang untuk menunjukkan komitmen kita kepada ekonomi negara serta memberikan khidmat terbaik kepada masyarakat.

Dengan memperkuatkkan nilai-nilai ini, kita bukan sahaja memajukan organisasi kita tetapi juga menyumbang kepada kemajuan negara. Marilah kita menjadikan Ejen Bank (EB) BSN sebagai pemangkin kepada perubahan positif demi masa depan Malaysia yang lebih gemilang.

Bersempena dengan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, saya ingin mengucapkan selamat menyambut hari-hari bersejarah ini. Semoga kita terus bersatu padu dalam usaha membina masa depan yang cemerlang untuk negara tercinta.

Terima kasih atas dedikasi dan semangat patriotisme yang ditunjukkan oleh semua ejen kita. Dengan semangat ini, kita pasti akan mencapai kejayaan yang lebih besar.

Sekian, terima kasih.

### En. Suzaini Mukhtar

**Ketua Jabatan Deposit, Pembayaran & Rangkuman Kewangan**



## Intipati Tema Hari Kebangsaan 2024



Logo dan Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024

Tema **Malaysia MADANI, Jiwa Merdeka** bagi Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini mengetengahkan enam tonggak utama: Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan, dan Ihsan. Tema ini bertujuan untuk menyemai nilai-nilai MADANI dalam jiwa rakyat Malaysia sebagai persiapan menghadapi cabaran era digital.

Bank Simpanan Nasional (BSN), sebagai salah satu bank yang telah lama beroperasi di Malaysia, berperanan merealisasikan tema MADANI dengan menyediakan produk kewangan yang inklusif dan mampu milik. BSN memastikan setiap individu, tanpa mengira latar belakang, menerima perkhidmatan terbaik serta mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan yang diperlukan.

Sejajar dengan kesemua tonggak utama tema MADANI, BSN telah melaksanakan inisiatif strategik seperti produk pembiayaan yang menyumbang kepada kemampanan alam sekitar. Selain itu, EB BSN yang kini meliputi hampir seluruh mukim di Malaysia memastikan kesejahteraan masyarakat dengan menyediakan akses kewangan kepada komuniti luar bandar. BSN juga menandatangani projek EB 2.0 bersama CelcomDigi untuk mempertingkatkan perkhidmatan inovatif, mencerminkan daya cipta dalam memenuhi keperluan pelanggan sambil menawarkan produk kewangan patuh Syariah.

Dari segi keyakinan, BSN memperkuuh sistem keselamatan data untuk melindungi maklumat pelanggan. Di samping itu, program CSR BSN mencerminkan nilai ihsan dalam membantu golongan yang memerlukan. Kesemua inisiatif ini mencerminkan komitmen BSN dalam menyokong pembangunan Malaysia yang inklusif dan berdaya maju, selaras dengan visi MADANI.

## Peranan Ejen Bank (EB) BSN dalam Mengkalkan Kesejahteraan Komuniti


Ejen Bank (EB) BSN memainkan peranan penting dalam memupuk kesejahteraan komuniti di seluruh negara. Dalam konteks perbankan, kesejahteraan merujuk kepada akses perbankan yang mudah dan meluas serta peningkatan literasi kewangan masyarakat, sekali gus membuka peluang untuk meningkatkan taraf hidup secara menyeluruh.

EB BSN menyediakan platform yang inklusif untuk menyokong kesejahteraan sosial dengan memastikan akses perbankan yang meluas, terutamanya di kawasan luar bandar. Melalui perkhidmatan seperti pengeluaran dan simpanan tunai, pembayaran bil, tambah nilai prabayar, dan lain-lain, EB BSN membantu masyarakat mengurus kewangan harian dengan lebih cekap dan menjimatkan kos perjalanan ke bank.


Selain itu, EB BSN turut berperanan dalam meningkatkan literasi kewangan masyarakat melalui penyediaan maklumat dan nasihat berkaitan pengurusan kewangan. Ini membantu komuniti membuat keputusan kewangan yang lebih bijak, seterusnya menyumbang kepada kestabilan dan kemajuan ekonomi setempat.

Secara keseluruhannya, EB BSN bukan sekadar penyedia perkhidmatan perbankan tetapi juga rakan kongsi yang menyokong kesejahteraan komuniti. Sama ada dari segi akses perkhidmatan kewangan atau pendidikan kewangan, EB BSN memainkan peranan penting dalam memperkuuhkan ekonomi dan struktur sosial masyarakat.

Saksikan video temubual bersama Ketua Pegawai Perniagaan BSN, En. Mujiburrahman Abdul Rashid untuk pesanan dan kata-kata beliau di sini  [Klik di sini](#)




Ikuti video temubual bersama salah satu Ejen Terbaik EB BSN, First Mart Trading Sdn. Bhd di pautan ini  [Klik di sini](#)



Cerita EB BSN

Info Am EB BSN

## Carta EB BSN Prestasi Terbaik Suku Ketiga 2024



Berikut adalah senarai **10 Ejen Bank BSN Terbaik** sehingga September 2024 seperti yang ditunjukkan dalam rajah di atas.

Tahniah diucapkan kepada semua ejen bank yang tersenarai! Semoga anda terus maju jaya dan mengekalkan prestasi cemerlang sebagai ejen bank yang terunggul pada masa akan datang.

## Panduan Laporan Penyelesaian Perimbangan Harian



Info Am EB BSN

## Sokongan Operasi EB BSN


Sekiranya EB BSN mengalami sebarang masalah berkenaan transaksi (berjaya/gagal), masalah terminal P.O.S atau lain-lain berkenaan perkhidmatan EB BSN, sila hubungi talian helpdesk kami.

EB BSN ➤

EB BSN Helpdesk  
**1-800-88-5220**

Pelanggan ➤

Pusat Perhubungan Pelanggan  
**1-300-88-1900**



Tip &amp; Panduan Keselamatan

## Panduan untuk Elak Kena **Scam** di Era Digital



### Jangan Beri Maklumat Peribadi Sembarangan

Jangan berkongsi maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, nombor akaun bank, atau kata laluan melalui telefon, emel atau laman web yang tidak sah.



### Semak Kesahihan Sumber

Jika menerima panggilan atau mesej daripada institusi kewangan, semak nombor telefon rasmi mereka di laman web rasmi sebelum membela panggilan.



### Berhati-hati dengan Panggilan Telefon dan Mesej Tidak Dikenali

Jika menerima panggilan mencurigakan, tutup telefon dan hubungi institusi yang terlibat secara langsung untuk pengesahan.



### Laporkan Penipuan

Laporkan kepada pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), bank atau institusi kewangan.



## Hati-hati!

Pastikan anda bertindak segera sekiranya terdapat individu atau mana-mana pihak yang menyamar sebagai kakitangan institusi perbankan. Jangan kongsikan maklumat peribadi atau kewangan anda. Hubungi pihak bank untuk pengesahan dan laporkan sebarang aktiviti mencurigakan.

Ucapan Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2024

## Ucapan Hari Kebangsaan & Hari Malaysia EB BSN

“ Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Hayatilah erti kemerdekaan yang sebenar. Serta sayangilah negara kita yang tercinta ini

**EB Basharuddin Enterprise, Pahang**



“ Salam Kemerdekaan dan Selamat Hari Malaysia 2024! Bersama-sama kita membina negara yang lebih baik untuk generasi yang akan datang.

**EB ANZ Berkat Maju Enterprise, Terengganu**



“ Selamat menyambut hari Merdeka yang ke-67 tahun buat negaraku Malaysia tercinta dan Hari Malaysia.

Mari kita bersama-sama terus berusaha. Semoga negara kita terus maju jaya, makmur dan bersatu padu. Malaysia boleh!

MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA!

**EB Fook Ann Enterprise, Sarawak**



“ Selamat Hari Merdeka & Hari Malaysia. Malaysia Berjaya.

**EB G One Accessories, Perak**



“ Selamat Hari Kemerdekaan yang ke-67 dan Hari Malaysia! Semoga Negara kita aman dan maju.

**EB First Mart Trading Sdn. Bhd, Johor**



“ MALAYSIA MADANI JIWA MERDEKA. Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan.

**EB SSC Digital Photo, Perak**



“ Salam Kemerdekaan! Salam Satu Malaysia. Madani Jiwa Merdeka.

**EB DinarDesa Enterprise, Kedah**




Ucapan Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2024

## Ucapan Hari Kebangsaan & Hari Malaysia EB BSN

“ Selamat Hari Kemerdekaan yang ke-67 dan Hari Malaysia! Semoga semangat Merdeka sentiasa menjadi inspirasi untuk kita bekerja keras demi masa depan yang gemilang.

**EB MyBill Sdn. Bhd (Nusa Bistari), Johor**



“ Selamat Kemerdekaan yang ke 67 tahun & Selamat Hari Malaysia.

Marilah kita terus memupuk semangat patriotik dan bersama-sama mempertahankan kemerdekaan yang dikecapi. Semoga kita benar-benar menjadi bangsa yang Merdeka.

MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA!

**EB Serena Enterprise, Sarawak**

“ Selamat hari Kemerdekaan dan hari Malaysia. Semoga negara yang kita saying ini terus maju, Masyarakat hidup dalam keamanan dan keharmonian.

**EB Seet Chee Seong, Pahang**



Salam Merdeka dan Hari Malaysia. Marilah kita bersama-sama memperingati jasa-jasa para pahlawan yang telah berjuang untuk kemerdekaan Negara. Semoga Malaysia terus maju dan makmur.

**EB Rahaya Binti Daud, Terengganu**

“ Saya dari EB MWF ENT mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-67. Semoga Malaysia kekal aman, makmur selamanya.

Merdeka, Merdeka, Merdeka!

**EB MWF Enterprise, Perak**



## Promosi Baharu BSN

Pelbagai produk dan kempen menarik yang ditawarkan oleh BSN tahun ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pelanggan BSN, tetapi untuk semua Ejen Bank (EB BSN) juga. Anda boleh menikmati komisen daripada transaksi yang dilakukan oleh pelanggan!

**Tahun Terbaik Anda Bermula Dengan myBSN!**

Rebut peluang untuk memenangi hadiah menarik bernilai sehingga RM27,300!

Tempoh Kempen: 15 Disember 2024 – 15 Mac 2025

Kata-kata dalam gambar: Berlaku semasa kaduc. Terhadak pada termu dan syarat.

Mulakan tahun baru anda dengan myBSN dan nikmati peluang memenangi hadiah menarik bernilai sehingga RM27,300! Sertai sekarang, kempen berakhir pada 15 Mac 2025!

**BSN EduSave-i Kempen Simpan Demi Impian**

Penuhi impian pendidikan anak anda sambil berpeluang memenangi hadiah tunai sehingga RM54,500!

Tempoh kempen: 1 April 2024 – 31 Januari 2025

Kata-kata dalam gambar: Berlaku semasa kaduc. Terhadak pada termu dan syarat.

Mulakan simpanan untuk pendidikan anak anda dengan BSN EduSave-i hari ini dan berpeluang memenangi hadiah tunai sehingga RM54,500! Jangan tunggu lagi, kempen berakhir 31 Januari 2025.

**Hadiah Bernilai Lebih Daripada RM600,000 Untuk Dimenangi!**

**Kempen Menang Besar Dengan BSN**

**Mohon Pembiayaan Peribadi BSN dan Berpeluang Memenangi Hadiah Menarik Ini!**

Tempoh Kempen: 15 Disember 2024 – 31 Mac 2025

Kata-kata dalam gambar: Hadiah bernilai RM600,000 Untuk Dimenangi! 2.53% Bantuan

Hadiah bernilai lebih RM600,000 menanti anda! Mohon Pembiayaan Peribadi BSN melalui Kempen Menang Besar sekarang. Jangan lepaskan peluang, kempen berakhir 31 Mac 2025!

Sila klik di gambar untuk mengetahui lebih lanjut.

## Istimewa Sempena Ulang Tahun ke-50 BSN

# Istimewa Sempena Ulang Tahun ke-50 BSN



### Pelancaran Lagu & Video Klip 'BSN Untuk Semua'

Bersempena dengan ulang tahun ke-50, BSN memperkenalkan lagu khas untuk Warga BSN, yang menggambarkan perjalanan dan dedikasi mereka dalam 'Mendukung Aspirasi, Merentasi Generasi'.

Lagu ini merupakan hasil kerjasama penulis lirik Shah Shamsiri, komposer Sharon Paul dan penyanyi terkenal tanah air, Jaclyn Victor. [Klik di sini](#)



### BSN x LRT Wrap Kelana Jaya Line

BSN juga melaksanakan inisiatif istimewa dengan membalut luaran dan dalaman sebuah keretapi LRT Laluan Kelana Jaya dengan reka bentuk eksklusif, sempena sambutan ulang tahun ke-50 BSN.



### BSN Care 50 Hari Memberi

BSN turut memperkenalkan inisiatif program CSR "BSN Care 50 Hari Memberi" yang mencerminkan usaha tekad BSN untuk terus menyokong masyarakat yang memerlukan.

Berpandukan tema "Mendukung Aspirasi, Merentasi Generasi", BSN merangka inisiatif program ini sebagai simbolik kepada pencapaian 50 tahun dengan pelaksanaan 50 inisiatif sepanjang tahun 2024 selaras dengan 6 segmen BSN Care iaitu, Pendidikan, Komuniti, Kesihatan & Keselamatan, Sukan, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Perhubungan Perniagaan.



**Selamat Menyambut  
Hari Kebangsaan  
& Hari Malaysia 2024**